

NOTIS IKLAN TENDER

1. **TENDER** adalah dipelawa daripada Pembekal/Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor** dan **Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori atau Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan/perkhidmatan/kerja seperti berikut:-

NO RUJUKAN & TAJUK TENDER	PENDAFTARAN KELAS, KEPALA & SUB-KEPALA	YURAN DOKUMEN / DEPOSIT	JENIS TAWARAN	TARIKH DAN MASA BAGI LAWATAN TAPAK (JIKA BERKENAAN)	TARIKH/ MASA PENGAMBILAN/ PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN MASA PENYERAHAN DOKUMEN
<u>KWB/T/21/2025</u> Supply and Delivery of General Hardware and Other Materials to Kuching Water Board.	UPKJ : BEKALAN & PERKHIDMATAN KATEGORI: B OR C KEPALA: I SUB-KEPALA : 2 (a), (b), (d) & (e) OR KEPALA: II SUB-KEPALA : 6 (a) & (c) OR KEPALA: III SUB-KEPALA : 1 (b) & 2 OR KEPALA: IV SUB-KEPALA : 6 (g)	RM100 <i>(non-refundable)</i>	TERBUKA	- Tiada -	24 Mac 2025 hingga 9 April 2025 8 Pagi -4.30 Petang	10 April 2025 (KHAMIS) 12 Tengahari Di Unit Perolehan Tingkat 1 Bangunan Utama, Ibu Pejabat Lembaga Air Kuching Jalan Batu Lintang 93200 Kuching

2. Dokumen **TENDER** hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/Rakan Kongsi/Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA (jika berkenaan)** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** sebelum Dokumen **TENDER** jual kepada Pembekal/Kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen **TENDER** hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai** atau **Cek** yang dibayar atas nama Lembaga Air Kuching.
4. Contoh **Dokumen TENDER** boleh disemak dan boleh diperolehi seperti jadual di atas di Unit Perolehan pada waktu pejabat di alamat Lembaga Air Kuching, Jalan Batu Lintang, 93200 Kuching.
5. Dokumen **TENDER** hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik/Wakil Syarikat/Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk TENDER**. Dokumen hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam **12:00 tengahari pada Tarikh seperti di atas** di alamat seperti di bawah:

Pengerusi
Jawatankuasa Tender & Kewangan / Jawatankuasa Sebut Harga
Lembaga Air Kuching,
Jalan Batu Lintang, 93200 Kuching

6. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen **TENDER Lebih Awal Dari Tarikh Dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen **TENDER** pada hari Tender ditutup. **Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis Kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen TENDER sebelum Tarikh dan Masa Tutup TENDER.**

Lembaga Air Kuching **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya Petender gagal/lewat untuk mengemukakan Dokumen **TENDER** pada masa dan Tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan Khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis Kerajaan. Dokumen **TENDER** yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan

7. **Penender yang tidak berdaftar dengan UPKJ untuk menyertai sesuatu Tender akan dikenakan Deposit Tender sebanyak Dua Setengah Peratus (2.5%) daripada harga tawaran atau maksimum RM10,000.00 dan hendaklah dikemukakan bersama dengan Tawaran Tender pada hari penyerahan dokumen tersebut.** Deposit Tender hendaklah dalam bentuk **Wang Tunai atau Cek** yang dibayar atas nama Lembaga Air Kuching.
8. Lembaga Air Kuching tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut

[Ir. RODZIAH BINTI MOHAMAD]

Pengurus Besar

Lembaga Air Kuching